

Vaksin selamatkan 2 juta nyawa setahun

» *Imunisasi beri **lebih manfaat** berbanding kos*

BH 19/4/14 M.S.A.

Oleh Nurul Hazren
Masitoh
nurulh@bh.com.my

Jumlah penyakit yang boleh dicegah menerusi vaksin kini semakin bertambah. Kemajuan dalam penyelidikan bioperubatan, teknologi dan sokongan kerajaan untuk program imunisasi membantu menjayakannya.

Bagaimanapun, masih ada tanggapan negatif berhubung pemberian vaksin yang didakwa memberi kesan mudarat berbanding manfaat kepada anak mereka dan kebanyakan yang bertanggung begini adalah dalam kalangan ibu bapa yang berpendidikan tinggi.

rubella (MMR).

Media di negara itu dikritik hebat kerana laporan naif mereka dan memberi pujian tidak wajar terhadap Wakefield. Dakwaan dalam artikel Wakefield dilaporkan secara meluas menyebabkan kadar pemvaksinan di UK dan Ireland menurun secara mendadak, diikuti peningkatan ketara jangkitan campak dan beguk, sekali gus mengakibatkan kematian dan kecederaan teruk serta kekal.

Penipuan paling besar

Pengamal perubatan, jurnal perubatan dan pengarang menggambarkan tindakan Wakefield sebagai satu penipuan dan mengaitkannya dengan wabak dan kematian. Artikel dalam jurnal sama

kukuh memberi risiko kepada kanak-kanak di negara ini.

“Apabila kita tidak memberi vaksin kepada kanak-kanak, mereka terdedah pada risiko mendapat penyakit berjangkit yang sememangnya berbahaya,” katanya sambil memberi contoh kes pertusis (batuk kokol) yang bertumpu kepada kelompok yang enggan diberi vaksin.

11 vaksin utama

Kementerian Kesihatan Malaysia mengesyorkan vaksin kanak-kanak untuk 11 penyakit berjangkit. Semua bayi yang dilahirkan di Malaysia ditawarkan BCG (yang melindungi daripada tuberkulosis) semasa lahir dan juga vaksin hepatitis B. Yang lain ditawarkan secara rutin kepada

Pakar Pediatrik dan Kardiologi Pediatrik Pusat Perubatan Pantai Bangsar, Dr Azam Mohd Noor, berkata kumpulan ibu bapa itu amat menentang perubatan moden terutama pemberian vaksin kepada anak, disebabkan terpengaruh dengan satu kajian dilakukan di United Kingdom (UK) mengaitkan pemberian vaksin dengan penyakit autisme.

“Kajian ini adalah satu penipuan dan individu terbabit (seorang doktor) yang juga penulis utama kajian sudah dikenakan tindakan. Malangnya, masih ramai percaya dengan hasil kajian itu, walaupun bukti menunjukkan sebaliknya,” katanya.

Individu yang dimaksudkan ialah Andrew Wakefield. Beliau menerbitkan kertas penyelidikan palsu sekitar tahun 1998 dalam jurnal perubatan *The Lancet*, yang menyokong Teori Kolitis (radang usus) dan gangguan spektrum autisme mungkin disebabkan vaksin gabungan campak, beguk dan

pada tahun 2011 menyatakan kaitan antara vaksin dan autisme itu sebagai ‘penipuan perubatan paling merosakkan dalam tempoh 100 tahun’.

Persatuan Pediatrik Kanada, Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Amerika Syarikat (CDC), Institut Perubatan Akademi Sains Nasional dan Perkhidmatan Kesihatan UK, semuanya merumuskan tiada bukti kaitan antara vaksin MMR dan autisme.

Kertas penyelidikan Wakefield ditarik sepenuhnya pada tahun 2010 dan beliau didapati bersalah oleh Majlis Perubatan Awam atas salah laku serius pada Mei 2010. Beliau digugurkan daripada menganggotai Pendaftaran Perubatan, bermaksud beliau tidak boleh lagi bertugas sebagai doktor.

Dr Azam berkata, banyak saluran yang mempengaruhi ibu bapa di negara ini dalam isu berkaitan kesihatan, termasuk yang dimuatkan dalam rangkaian sosial seperti Facebook. Penerimaan tanpa bukti

setiap orang bayi sebagai sebahagian daripada program vaksin prasekolah.


Dr Azam berkata, golongan berpendapatan rendah tiada masalah untuk memenuhi syarat pemberian vaksin kerajaan kerana mereka tidak terdedah dengan situasi kompleks di negara maju.

“Golongan berpendapatan rendah lebih mudah kerana mereka tidak terdedah dengan faktor luaran seperti golongan berpendidikan tinggi, mereka akan mematuhi jadual pemberian vaksin kecuali vaksin tambahan yang mereka terpaksa bayar,” katanya.



“APABILA KITA TIDAK MEMBERI VAKSIN KEPADA KANAK-KANAK, MEREKA TERDEDAH RISIKO MENDAPAT PENYAKIT BERJANGKIT YANG SEMEMANGNYA BERBAHAYA”

Azam Mohd Noor,
Pakar Pediatrik dan Kardiologi Pediatrik
Pusat Perubatan Pantai, Bangsar



Usia Bayi Imunisasi yang ditawarkan Bagaimana diberi

Lahir	Tuberculosis (batuk kering) Hepatitis B	1 suntikan 1 suntikan
1 bulan	Hepatitis B	1 suntikan
2 bulan	Difteria, tetanus, pertussis (batuk kokol) /polio/influenza haemophilus jenis b (hib) (DTaP/IPV/Hib)	1 suntikan
3 bulan	Difteria, tetanus, pertussis (batuk kokol) /polio/influenza haemophilus jenis b (hib) (DTaP/IPV/Hib)	1 suntikan
5 bulan	Difteria, tetanus, pertussis (batuk kokol) /polio/influenza haemophilus jenis b (hib) (DTaP/IPV/Hib)	1 suntikan
6 bulan	Hepatitis B Measles (Sabah only)	1 suntikan
9 bulan	Japanese encephalitis (Sarawak only)	1 suntikan
10 bulan	Japanese encephalitis (Sarawak only)	1 suntikan
1 tahun	Measles, mumps and rubella (MMR)	1 suntikan
18 bulan	Difteria, tetanus, pertussis (batuk kokol) /polio/influenza haemophilus jenis b (hib) (DTaP/IPV/Hib) Japanese encephalitis (Sarawak sahaja)	1 suntikan 1 suntikan
4-5 tahun	Japanese encephalitis (Sarawak only)	1 suntikan
6-7 tahun	Measles, mumps and rubella (MMR)	1 suntikan
7 tahun	Difteria, tetanus, polio (sebelum mula bersekolah) (DT/IPV)	1 suntikan
12 tahun	Difteria, tetanus, polio (DT/IPV)	1 suntikan
13 tahun	Human papillomavirus (HPV) (keizinan dari ibu bapa)	1 suntikan

BH 19/12/14 M.S.S.

Suntikan ke-2 1 bulan kemudian
Suntikan ke-3 6 bulan kemudian

**Hospital awam/kerajaan, vaksin polio dalam bentuk titisan
Hospital atau klinik swasta, vaksin polio dalam bentuk suntikan**

Tingkat sistem pertahanan tubuh

Vaksin adalah kaedah paling berkesan dan berkekalan dalam mencegah penyakit berjangkit untuk semua peringkat usia. Ia melindungi individu daripada penyakit tertentu yang membuat anda jatuh sakit, mencatatkan atau membunuh.

Ia meningkatkan sistem pertahanan tubuh individu atau digelar sistem imunisasi. Vaksin memberi kekebalan yang melindungi seseorang daripada jangkitan tanpa menyebabkan individu itu menderita kerananya. Kadangkala, vaksin digelar imunisasi, jarum atau suntikan.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan organisasi berkaitan yakin pemberian vaksin memberi lebih banyak

manfaat berbanding kosnya. WHO menganggarkan setiap tahun, lebih dua juta kematian dicegah di seluruh dunia kerana pemberian imunisasi.

Bank Dunia mengatakan negara di seluruh dunia seharusnya membuat pelaburan 'pertama' dalam program pemvaksinan apabila mereka mewujudkan program kesihatan awam.

Bebas penyakit

Pada Dekad Vaksin 2011-2020, WHO berharap untuk melihat 'sebuah dunia di mana kanak-kanak, keluarga dan masyarakat menikmati kehidupan bebas daripada ketakutan penyakit yang boleh dicegah menerusi vaksin, capaian kepada vaksin yang selamat dan berkesan adalah satu hak

asasi manusia'.

Adalah penting untuk memastikan imunisasi sentiasa disesuaikan dengan keperluan semasa. Bahayanya ialah wabak penyakit masih boleh berlaku jika ada sekumpulan orang yang tidak mendapat vaksin.

Sebagai contoh, antara April dan November 2007, wilayah di Quebec, Kanada mengalami dua wabak berturut-turut di bahagian tenggara memabatkan 95 individu. Lebih 90 peratus individu yang dijangkiti sama ada tidak diberi vaksin atau sebahagiannya dengan dos tunggal vaksin MMR.

Pada tahun 1974 di United Kingdom, jumlah penduduk yang mendapat vaksin melindungi mereka daripada penyakit batuk kokol, menurun.

Menjelang tahun 1978, negara itu mengalami wabak penyakit terbabit. Lebih 100,000 orang dijangkiti dan 36 daripadanya menemui ajal.

Pada awal dekad 1990-an, satu epidemik difteria (jangkitan bakteria *Corynebacterium diphtheriae*) berlaku di negara bekas Kesatuan Soviet selepas kanak-kanak berhenti diberi imunisasi dan golongan dewasa tidak mendapat suntikan tambahan. Jumlah kes wabak penyakit itu meningkat daripada 839 pada tahun 1989 kepada hampir 50,000 pada tahun 1994. Kira-kira 1,700 penduduk maut akibat epidemik terbabit.

Bagaimana vaksin berfungsi

Kebanyakan vaksin mengandungi sedikit kuman penya-

kit yang lemah atau mati. Vaksin tidak mengandungi jenis kuman yang menjadikan seseorang itu sakit. Sesetengah vaksin tidak mengandungi kuman sama sekali.

Mempunyai sedikit kuman dalam tubuh anda menjadikan sistem pertahanan tubuh menghasilkan antibodi untuk menentang kuman terbabit. Antibodi membantu memerangkap dan membunuh kuman yang mungkin menuju kepada penyakit.

Tubuh seseorang boleh membuat antibodi dengan dua cara, dijangkiti penyakit atau mendapat vaksin. Mendapat vaksin adalah cara lebih selamat untuk membuat antibodi tanpa terjejas mendapat penyakit dan risiko cacat atau maut.

Kejayaan vaksin

- ⊙ Sebelum penghasilan vaksin campak, kira-kira 300,000 kanak-kanak di Kanada di bawah usia 18 tahun dijangkiti penyakit itu. Penyakit terbabit menyebabkan hampir 300 kematian setiap tahun dengan 300 lagi menderita kerosakan otak.
- ⊙ Selepas vaksin campak diperkenalkan, jumlah kes itu menurun mendadak

sehingga purata kurang 50 kes campak setiap tahun di Kanada.

- ⊙ Penghasilan vaksin Pertusis pada pertengahan dekad 1940-an membantu mengurangkan kes diserang batuk kokol daripada 50,000 kes kepada 3,000 kes setiap tahun. Jumlah kematian juga berkurangan daripada 100 setiap tahun kepada antara satu hingga lima orang.
- ⊙ Di Amerika Utara, vaksin

difteria mengurangkan kematian akibat penyakit itu kepada lebih 99 peratus.

- ⊙ Sebelum vaksin virus varicella-zoster (VZV) diperkenalkan, hampir 350,000 kes cacar air berlaku setiap tahun di Kanada. Ada 53 kematian akibat cacar air di antara tahun 1987 dan tahun 1996. Berikutan pemberian vaksin itu tiada kes tunggal cacar di dunia sejak tahun 1977.

- ⊙ Penemuan dan penggunaan vaksin polio menghapuskan penyakit itu di Amerika Syarikat. Pada dekad 1960-an, ada 2,525 kes polio paralitik di Amerika. Menjelang tahun 1965, ada 61 kes. Di antara dekad 1980-an dan dekad 1990-an, purata lapan kes dilaporkan setiap tahun dan penurunan ini disebabkan vaksin. Pada tahun 1994, polio diisytiharkan dihapuskan di seluruh Amerika:

Pemberian vaksin percuma sejak lahir

- ⊙ Difteria
- ⊙ Influenza haemophilus jenis b (Hib)
- ⊙ Campak
- ⊙ Beguk
- ⊙ Polio
- ⊙ Rubela
- ⊙ Tetanus (kancing gigi)
- ⊙ Batuk kokol (pertusis)
- ⊙ Virus papiloma manusia (HPV)